# Dasar Kebersihan Negara bakal dilancarkan

BERNAMA | | 1 November 2019



Zuraida Kamaruddin

KUALA LUMPUR - Dasar Kebersihan Negara akan dilancarkan Ahad ini (3 November) sebagai garis panduan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersih dalam usaha mencapai taraf negara maju.

Dasar yang memberi tumpuan kepada kebersihan, kesejahteraan hidup dan kelestarian alam sekitar ini dijadual dilancarkan di PPR Tehel, Melaka oleh Ketua Menteri Melaka Adly Zahari.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Zuraida Kamaruddin berkata, inisiatif itu bertujuan mewujudkan masyarakat yang membudayakan amalan kebersihan demi kesejahteraan hidup dan kelestarian alam sekitar.

"Sudah tiba masa untuk kita memberikan satu garis panduan dan hala tuju bagaimana untuk menguruskan sisa pepejal negara, sampah daripada 'sisa fizikal' daripada PBT, sampah seperti logam skrap, sisa pembinaan, sisa botani dan e-sisa.

"Ini semua kita adakan garis panduan dalam dasar ini agar pengurusan sampah di negara ini lebih menyeluruh dan kondusif," katanya dalam sidang media di Parlimen pada 29 Oktober.

Zuraida berkata, pelaksanaan dasar ini memfokuskan kepada lima kluster iaitu kesedaran mengenai kebersihan; kelestarian alam sekitar; ekonomi kitaran; tadbir urus dan penguatkuasaan serta modal insan yang berkualiti dan berkemahiran.

Sebanyak 14 strategi dan 91 pelan tindakan telah dirangka untuk mencapai objektif melalui perincian pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa negeri, kerajaan tempatan dan agensi lain.

Melalui dasar ini, pelaksanaan Extended Producer Responsibility (EPR) akan dikenakan ke atas syarikat-pengeluar yang mengimport barangan yang boleh dikitar semula.